



**KLIK** PROGRAM RAMAH MESRA Pengerusi Bella 4B Kuala Langat, Hafez Shuriddin (duduk, tiga kiri) dan Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Dabuk Sulaiman Mohd Karli ketika hadir pada program ramah mesra bella bersama pemimpin tempatan daerah Kuala Langat.

## Remaja hilang ditemui selamat

**BANTING** - Seorang remaja yang dilaporkan hilang selepas keluar dari rumah di Taman Jugra Jaya, Banting, ditemui dalam keadaan selamat tengah malam kelmarin.

Aishah Natasha Nasaruddin, 15, ditemui polis bantuan di LRT Bangsar sebelum dihantar ke Balai Polis Jalan Travers.

Bapanya, Nasarudin Abdullah, 57, berkata, anaknya difahamkan mengikut seorang kenalan yang baru dikenalnya melalui laman sosial Facebook dan enggan mengulas lanjut kerana masih dalam siasatan polis.

"Bagaimanapun, saya anggap ini pengajaran untuk keluarga saya dan harap tak jadi kepada keluarga lain."

"Apa pun saya syukur anak saya dijumpai selamat," katanya.

*Sinar Harian* kelmarin melapor



**Bapa mohon cari Aishah Natasha**

**BANTING LANGAT** - Seorang remaja berusia 15 tahun yang dilaporkan hilang selepas keluar dari rumah di Taman Jugra Jaya, Banting, ditemui dalam keadaan selamat tengah malam kelmarin. Remaja tersebut, Aishah Natasha Nasaruddin, ditemui polis bantuan di LRT Bangsar sebelum dihantar ke Balai Polis Jalan Travers. Bapanya, Nasarudin Abdullah, 57, berkata, anaknya difahamkan mengikut seorang kenalan yang baru dikenalnya melalui laman sosial Facebook dan enggan mengulas lanjut kerana masih dalam siasatan polis.

Laporan Sinar Harian 4 Julai lalu.

kan, Aishah Natasha dipercayai keluar dari rumahnya kira-kira jam 1 pagi tanpa memberitahu ahli keluarga yang lain sebelum bapanya menyedari anaknya tiada di dalam bilik.

# Tak tahu anak kemalangan

Penduduk kesal kawasan rumah alami gangguan talian telekomunikasi, tak dapat dihubungi ketika kecemasan

**SEPANG** - Penduduk Taman Pantai Sepang Putra, Bagan Lalang di sini memohon aduan berkenaan gangguan telekomunikasi yang didakwa berlaku sejak 13 Jun lalu diberi perhatian pihak berwajib.

Penduduk, Wan Mohd Khairuddin Wan Teh, 56, berkata, pelbagai kesulitan

dihadapi penduduk berikutan masalah berkenaan.

"Penduduk dah buat aduan lebih lima kali sejak hari pertama jadi masalah ni. Pihak terbabit hanya maklum ia akan diselesaikan sedikit masa lagi. Tapi sampai dah raya masalah tak selesai pun."

"Kami juga diberitahu ada aktiviti kecurian kabel berlaku, kalau macam tu kenalah maklumkan kami awal-awal apa sebabnya. Bagilah notis ke atau apa cara sekalipun, ni tidak... bila kita call/barulah beritahu," katanya.

Md Zain Omar, 67, berkata, akibat masalah berkenaan, dia terlewat satu hari menerima berita anaknya terlibat dalam kemalangan.

"Pak cik ter-

paksa cari kawasan yang ada talian termasuk beli tambah nilai, sebab nak tengok WhatsApp pun susah kalau tak ada line.

"Jadi pak cik usaha cari kad tambah nilai tu sampai ke Pekan Sungai Pelek... dan bila pak cik buka data terkejut baca mesej daripada anak beritahu dia terlibat kemalangan."

"Anak beritahu dah banyak kali hubungi telefon rumah tapi tak dapat... lepas dapat tahu, cepat-cepat pak cik bersiap nak ke Kuala Lumpur melawat dia," katanya.

Md Zain yang tinggal di kawasan Zon Muri berkata, masalah itu menyukarkan penduduk memaklumkan apa saja hal berkaitan terutama kepada keluarga dan sanak saudara.

"Lagi-lagi musim raya ni... anak-anak kami yang berada di perantauan juga tak dapat hubungi kami jika berlaku kecemasan atau mahu bertanya khabar," katanya.

Katanya, dia turut menghubungi syarikat telekomunikasi berkenaan memohon rebat akibat masalah berkenaan.

Md Zain menunjukkan rebat yang diterima selepas membuat aduan mengenai perkhidmatan telekomunikasi di rumahnya tidak memuaskan.

## Tak dapat buat tugas

**PENDUDUK** di Zon Jalan Raja Udang 2, Muhammad Amsyar Mustapa, 25, pula berkata, tidak akan timbul isu mengenai gangguan talian jika masalah itu hanya memakan masa dua atau tiga hari.

"Setakat dua atau tiga hari kami boleh bersabar, ini sudah lama, macam kawasan kami sebelum ini talian telefon boleh guna jadi tak mengapalah, ni sekarang melibatkan semua talian komunikasi yang ada."

"Isu ini menyusahkan ra-

**Isu ini menyusahkan ramai pihak, pelajar macam saya tak dapat buat tugas kerana tak dapat layari internet."**

-Amsyar

mai pihak, misalnya peniaga tak dapat jalankan operasi perniagaan, manakala pe-

lajar macam saya tak dapat buat tugas kerana tak dapat layari internet," katanya.



## Bayar bil tapi tak boleh guna perkhidmatan

**KAKTANGAN** swasta, Norazimi Mohd Isa, 52, berkata, urusan membabitkan penggunaan internet tidak dapat dilakukan kerana gangguan berkenaan.

Norazimi yang juga pengguna perkhidmatan bayaran bulanan talian telekomunikasi itu berkata, bil dibayar setiap bulan namun talian tidak dapat digunakan sekali gus mengakibatkan kerugian.

Sementara itu, Pengerusi Penduduk Taman Pantai Sepang Putra, Mustari Kayon, 57, berkata, isu

tersebut melibatkan kira-kira 80 pengguna di kawasan itu.

"Saya baru terima makluman mengenai masalah terbabit kelmarin... pihak kami akan panjangkannya kepada pihak bertanggungjawab."

Dalam pada itu, *Sinar Harian* akan menghubungi syarikat telekomunikasi terlibat bagi mendapatkan penjelasan berhubung isu berkenaan dalam masa terdekat.

